



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 16 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TIADA KERANG KELANTAN MASUK KE PERAK, NEGERI PERAK, SH -29 HASIL KERAN PERAK TIDAK TERCEMAR, LOKAL, HM -19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	HAMPIR KENA TANDUK, LOKAL, HM -20	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	MARDI ENDS SALE OF SEEDS FOR MR 219 PADI VARIETY IN NOVEMBER, BERNAMA -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5.	KERAJAAN SAHKAN HARGA BAJA, RACUN MENINGKAT, DALAM NEGERI, UM -1 & 4	LAIN-LAIN

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK	29

Tiada kerang Kelantan masuk ke Perak

Kebanyakan kerang di Kelantan dijual untuk pasaran tempatan dan tidak dibawa keluar dari negeri tersebut

Oleh SAIFULLAH AHMAD

BAGAN SERAI

Kerajaan Perak tidak menerima sebarang laporan mengenai kemasukan kerangan dari Kelantan khususnya di perairan Sungai Geting, Tumpat yang tercemar dengan toksin. Exco Perlindungan, Pertanian dan Industri Makaman, Razman

Zakaria berkata, kebanyakan kerang di Kelantan dijual untuk pasaran tempatan dan tidak dibawa keluar dari negeri tersebut. Menurutnya, pendaratan kerang di Perak lebih tinggi dan pada tahun lalu sahaja sebanyak 14,000 metrik tan dikeluarkan untuk pasaran negeri ini.

"Kebanyakan kerang yang dipasarkan di Perak merupakan sumber tempatan dan sedikit sahaja bekalan yang diperolehi dari Selangor dan Pulau Pinang yang tiada kesan pencemaran toksin. "Tak ada kerangan dibawa masuk dari Kelantan. Setakat ini kita tiada maklumat," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Kit Pertanian Komuniti Kebun Kita/Kebuniti Daerah Kerian 2021 di sini pada Jumaat.



Razman (empat dari kanan) menyerahkan peralatan mesin rumput pada Majlis Penyerahan Kit Pertanian Komuniti Kebun Kita/Kebuniti Daerah Kerian 2021 pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Perak, Norsyenti Othman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selinsing, Mohamad Noor Dawoo.

Mengenai dakwaan tular terdapat spesies kerang iaitu etok yang dibawa dari Tumpat, Kelantan dan dijual di Ipoh, Razman menjelaskan pihaknya tidak mempunyai maklumat me-

ngenal perkara itu. Bagaimanapun, beliau menasihati orang ramai dan peniaga supaya lebih berhati-hati dan memastikan sumber kerangan yang diperolehi itu selamat dimakan.

Pada 11 Oktober, Jabatan Perikanan Kelantan mengeluarkan notis larangan kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti memungut, menjual dan makan spesies kerang-kerangan di kawasan Perairan Sungai Geting, Tumpat, Kelantan kerana dicemari toksin saraf (saxitoxin) daripada alga berbahaya iaitu 'alexandrium minutum'.

Larangan itu berkuat kuasa serta-merta berikutan hasil keputusan analisis daripada Makmal Biosekuriti Perikanan yang dijalankan menemui bahan tok-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2021	HARIAN METRO	LOKAL	19

Hasil kerang Perak tidak tercemar

Bagan Serai: Hasil kerang-kerangan yang dijual di pasaran negeri ini tidak tercemar dan selamat untuk dimakan, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perlindungan dan Industri Makanan negeri Razman Zakaria.

Beliau berkata, orang ramai tidak perlu bimbang, tambahan pula kerajaan negeri tidak membawa masuk hasil kerang-kerangan dari Perairan Geting, Tumpat, Kelantan yang dilaporkan dicemari toksin saraf (saxitoxin) daripada alga berbahaya iaitu *alexandrium minutum*, baru-baru ini.

“Perak mempunyai penda-

ratian kerang yang tinggi berbanding negeri lain di Malaysia iaitu 14,860 tan metrik tahun lalu, justeru, kebanyakan kerang dalam pasaran di negeri ini dari sumber tempatan dan sedikit dari Selangor serta Pulau Pinang.

“Jadi penduduk Perak tidak perlu bimbang, lagi pula hasil kerang-kerangan di Kelantan rendah dan hanya dipasarkan ke pasaran tempatan dalam Kelantan sahaja, ia tidak dibawa masuk ke Perak,” katanya selepas Majlis Penyerahan Kit Kebun Bandar/Kebun Kita Peringkat Daerah Kerian 2021 di sini, semalam.

Hadir sama Pengarah Per-

tanian Perak Norsiyenti Othman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Selinsing Mohamad Noor Dawoo.

Ditanya mengenai berita tular mengatakan premis di Ipoh membawa masuk dan menjual kerang-kerangan jenis etok yang dari Tumpat, Razman berkata, perkara berkenaan di luar pengetahuannya.

Menurutnya, sehingga kini hasil kerang-kerangan di Perak masih selamat dimakan dan tiada kes pencemaran alga berbahaya dari spesies *alexandrium minutum* direkodkan di perairan negeri ini.



ANGGOTA MPKPI berjaya menangkap lembu liar yang merayau di Taman Hijrah Padang Kala, Melor selepas menerima aduan orang ramai.

Kota Bharu: Kaki terse-
liah dan hampir ditanduk
antara insiden dialami se-
kumpulan anggota pen-
guat kuasa Majlis Daerah
Ketereh Perbandaran Islam
(MPKPI) dalam operasi
menangkap lembu liar
sekitar Taman Hijrah Pa-
dang Kala, Melor, dekat si-
ni, kelmarin dan Rabu la-
lu.

Pelbagai halangan lain
terpaksa dihadapi termas-
uk berdepan dengan lembu
yang garang, mengha-
rungi kawasan paya, semak
samun dan nyaris terjatuh
ke dalam perigi buta dalam
usaha menangkap lembu liar
yang pada asalnya disas-
arkan sebanyak 12 ekor.

Operasi Bersepadu Hai-
wan Merayau dijalankan
secara bersepadu bersama
Jabatan Perkhidmatan Vete-
rinar (JPV) negeri Kelantan
itu berjaya menangkap
dua ekor lembu.

Setiasaha MDKPI, Ah-
mad Fadzli Abdullah berka-
ta, operasi dilakukan hasil
aduan orang awam terhad-
ap banyak kerosakan yang
bertaku akibat lembu liar
yang berkeliaran.

"Kita menerima aduan di
kawasan ini sejak beberapa
bulan lalu namun tidak da-
pat mengambil tindakan

Hampir kena tanduk



*Kita menerima aduan
di kawasan ini sejak
beberapa bulan lalu
namun tidak dapat
mengambil tindakan
lanjut (menangkap)
disebabkan Perintah
Kawalan Pergerakan
(PKP)"*

Ahmad Fadzli

lanjut (menangkap) diseb-
abkan Perintah Kawalan
Pergerakan (PKP).

"Penduduk di sini buat
aduan berkaitan lembu
liar berkeliaran di taman,
memakan pokok hiasan
termasuk pokok durian
Musang King dan ada najis
di merata-rata tempat.

"Ini kali kedua operasi
dilakukan tahun ini berka-
itain tangkapan haiwan
liar yang mana pada bulan
lalu, tiga lembu di kawasan
sama manakala dua kam-
bing di Kok Lanas ditang-
kap," katanya di sini.

Ahmad Fadzli berkata,

sebelum lembu liar itu di-
tangkap, pihaknya mem-
beri notis amaran terlebih
dahulu kepada pemilik un-
tuk menjaga haiwan ter-
nakan mereka dengan baik
namun jika masih mene-
rima aduan yang sama se-
lepas dua minggu, baru
tindakan lanjut diambil.

Untuk operasi dua hari
yang membabitkan 16
anggotanya dan tiga ka-
kitangan JPV, beliau ber-
kata, pemilik sudah mem-
bayar denda iaitu sebany-
ak RM1,000 setiap ekor
namun untuk 10 lagi baki
lembu liar itu akan tetap
ditangkap dalam masa
terdekat.

"Tindakan kompaun di-
buat di bawah Undang-un-
dang Kecil Haiwan Mera-
yau-Rayau MDKPI dan jika
pemilik tidak datang me-
nuntut, jumlah denda ber-
tambah setiap hari ber-
gantung kepada kos ma-
kanan dan upah penjaga-
an.

"Jika dalam tempoh
enam hari haiwan itu tidak
juga dituntut, kami akan
buka untuk dilelong," ka-
tanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

MARDI ends sale of seeds for MR 219 padi variety in November



KUALA LUMPUR, Oct 15 - The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) has announced the termination of the sale of seeds for the MR 219 padi variety from Nov 1.

Its director-general, Datuk Dr Mohamad Zabawi Abdul Ghani in a statement tonight said it was ended following the current performance of MR 219 which was susceptible to rice blast disease caused by fungus.

"This susceptibility results in loss of harvest of up to 50 per cent, prompting to a drop in the income of padi planters," he said.

In this regard, he said with the termination of the MR 219 variety, MARDI recommended that seed producers and farmers use the MARDI padi varieties which have been declared and are available in the market, such as MR 315 (Seri Waja), MARDI Sempadan 303, MARDI Sebernas 307 and MARDI Siraj 297.

MARDI's Padi and Rice Research Centre director Dr. Asfaliza Ramli can be contacted via email at aliza@mardi.gov.my for further information, he added.

The MR 219, which was declared in 2001 at Felcra Seberang Perak, was a high-yielding rice variety at eight tonnes per hectare and was used by farmers for 10 years.

However, after 10 years the variety started showing susceptibility to major diseases and pests and the plants collapsed easily, putting a stop to its cultivation after 2011.

But, in 2019, MR 219 was replanted because many farmers were still keen on the variety, resulting in the proliferation of rice-blast pathogens.

- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1

Kerajaan sahkan harga baja, racun meningkatkan

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
dan **AIN SAFRE BIDIN**

utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengakui kenaikan harga baja dan racun serangga ini yang menekan pengusaha dan pekebun di seluruh negara ketika.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya bagaimanapun akan menyiasat dan mengambil tindakan sekiranya terdapat elemen pencatutan kepada harga yang dikenakan.

Katanya, pihaknya sentiasa memantau sebarang kenaikan harga termasuklah yang melibatkan bahan pertanian.

Kerajaan sahkan harga baja, racun meningkat



MOHD. JOHAN MUSA menunjukkan tanaman pisang yang diusahakannya di Taman Melur, Teluk Intan. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Dari muka 1

"Kita sedar mengenai isu harga baja dan racun serangga yang dilaporkan di akhbar-akhir ketika ini dan kita akan menyasat serta mengenakan kompaun jika ada bukti bahawa harga yang dikenakan mempunyai elemen pencatutan.

"Sebabnya harga tidak dikawal, bagaimanapun kita akan mengesan dan bertindak jika ada aduan dan membuat siasatan terhadap harga-harga tersebut berdasarkan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011)," katanya.

Pada masa sama, Alexander juga mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan supaya memantau masalah kenaikan harga baja dan racun serangga.

"Meraka perlu mengambil tindakan sebagai kementerian yang bertanggungjawab ke atas bekalan makanan dan input pertanian," katanya.

Beliau mengulas laporan Utusan Malaysia semalam mengenai kenaikan harga baja dan racun serangga sejak sebulan lalu yang menghimpit kira-kira 400,000 atau 80 peratus daripada 500,000 peladang di seluruh negara.

Peningkatan harga itu bukan sahaja menyebabkan produktiviti hasil tani terjejas tetapi mengurangkan pendapatan

pekebun apabila input menghasil projek pertanian lebih mahal.

Sementara itu di **BATU PAHAT**, Johor, Pengerusi Persatuan Pekebun-Pekebun Sayur Yong Peng Johor, Cheng Pai Hoe berkata, kenaikan input pertanian terutamanya racun dan baja sehingga 40 peratus menjejaskan 300 pekebun sayur di Yong Peng.

Katanya, kenaikan baja dari pada RM110 kepada RM150 setiap beg sangat membebankan.

Malah, harga racun bagi setiap tong bernisi 20 liter bahan

itu juga naik daripada RM230 kepada RM330.

"Ramai ahli persatuan merungut kerana mereka sudahlah terjejas akibat pandemik Covid-19 kini terpaksa berhadapan pula isu kenaikan input pertanian," katanya.

Di **TELUK INTAN**, pemilik kebun pisang dan kebun sayur, Mohd. Johan Musa, 36, berkata, harga baja untuk tanaman pisang sebelum ini RM132 bagi setiap seguni, namun, kini, naik sehingga RM160 bagi berat yang sama.

Menurutnya, turut mengalaminya kenaikan ialah racun run-

put iaitu daripada RM60 seliter kepada RM70 seliter.

Katanya, masalah itu membebankan pekebun kecil seperti tinya dan pekebun sayur lam di daerah ini.

"Saya menanam 4.8 hektar pisang dan sayur-sayuran seperti petola, terung, limau kasturi dan limau yang memerlukan baja dan racun serangga untuk memastikan hasil yang maksimum.

"Namun apabila harga dua bahan itu mengalami kenaikan, saya terpaksa mengeluarkan kos yang lebih, ini sudah tentu membebankan kami," katanya.